

KEMAHIRAN INTERPERSONAL KANAK-KANAK MENERUSI AKTIVITI BONEKA

Loy Chee Luen¹, Shahrir Jamaluddin², Lihanna Borhan³
 Universiti Pendidikan Sultan Idris¹, Universiti Malaya², Universiti
 Islam Antarabangsa Malaysia³

ABSTRAK

Boneka sebagai bahan bantu visual dalam pengajaran dapat membantu perkembangan kanak-kanak terutamanya kemahiran interpersonal. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti perubahan sikap kanak-kanak dari segi interpersonal fokus kepada aktiviti harian seperti bermain, belajar, makan, bercakap dan sikap tolong menolong antara kawan mereka. Sample kajian terdiri daripada seorang guru prasekolah dan lima orang kanak-kanak prasekolah. Data-data kajian diperolehi melalui kaedah temu bual, soal selidik dan lukisan kanak-kanak. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa boneka dapat mempertingkatkan interpersonal kanak-kanak.

Kata kunci:

boneka, kanak-kanak, kemahiran interpersonal

ABSTRACT

Puppets as a visual teaching tools can help children's development especially interpersonal skills. This research is to investigate children attitude change from interpersonal aspect which emphasised on daily activities like playing, learning, eating, speaking and helping each other. The sample for this study consisted of one preschool teacher and five preschool children. Research data collect use interview, survey and children drawing. The results showed that puppets can improve children interpersonal skills.

Keywords:

puppets, children, interpersonal skill

PENGENALAN

Aktiviti boneka mempunyai unsur-unsur hiburan dan didikan dapat menarik perhatian kanak-kanak untuk belajar melalui bermain. Aktiviti boneka dapat memberi pengalaman baru kepada kanak-kanak, membantu kanak-kanak untuk berinteraksi menerusi boneka secara berkesan dan seterusnya mempertingkatkan interpersonal kanak-kanak. Mereka suka melaksanakan aktiviti-aktiviti harian bersama-sama kawan-kawan mereka setelah melibatkan diri dalam aktiviti boneka. (Hirsh, 2004; Loy, 2004; Koster, 2005; Salmon & Sainato, 2005; Berk, 2006). Memandangkan kebaikan yang ada pada boneka, maka kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti kemahiran interpersonal kanak-kanak sebelum dan selepas aktiviti boneka fokus kepada aktiviti harian seperti bermain, belajar, makan, bercakap dan sikap tolong menolong antara kawan mereka.

TINJAUAN LITERATUR

Kemahiran interpersonal kanak-kanak melibatkan kebolehan mereka untuk membuat perkaitan dan memahami orang lain. Kemahiran ini digunakan dalam perhubungan antara seseorang kanak-kanak dengan orang lain. Kemahiran interpersonal kanak-kanak juga melibatkan kebolehan mereka untuk memahami dan menilai dengan cepat mood, maksud, motivasi dan perasaan orang lain selain daripada berkebolehan berkomunikasi dan mempunyai pemahaman, simpati dan ambil berat pada perasaan dan kepercayaan orang lain (Esah, 2004). Di peringkat prasekolah, interaksi kanak-kanak akan membawa kesan kepada prestasi seseorang kanak-kanak dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Aktiviti bersosial kanak-kanak mula meningkat dan mula berusaha untuk menjalin persahabatan dengan kanak-kanak yang lain. Pada peringkat ini kemahiran untuk menyelesaikan masalah interpersonal menjadi semakin tinggi. Mereka mula bercampur dan menjalankan hubungan interpersonal semasa bermain dalam kumpulan serta berkomunikasi dengan kawan-kawan lain. Selain itu, mereka juga berupaya untuk meramal tindakan kawan-kawan mereka dan lebih suka berkongsi objek dan bekerjasama semasa bermain dalam kumpulan (Vygotsky, 1933; 1934; 1966, 1978; Lihanna 2005).

Bandura (1989) dan Zin et al. (2004) juga menyatakan interpersonal kanak-kanak merupakan satu proses apabila mereka belajar untuk berhubung dengan kawan-kawan lain. Melalui proses sosialisasi ini kanak-kanak dapat membuat penyesuaian sosial berdasarkan persekitarannya. Gardner (1983;1993;1995;1999) pula menyatakan interpersonal membolehkan kanak-kanak memahami perasaan, motivasi, tabiat serta hasrat orang lain. Kanak-kanak mempamerkan interpersonal apabila mereka menonjol dalam aktiviti berkumpulan dan apabila mereka bertindak mengikut suasana yang ditunjuk oleh kanak-kanak lain. Individu ini dapat berinteraksi dengan mudah dan boleh bekerjasama dengan orang lain secara praktikal untuk menghasilkan sesuatu yang berfaedah dan dapat memberi motivasi kepada orang lain. Kajian Mbuvu (2003), pula menyatakan interpersonal kanak-kanak adalah abiliti untuk berinteraksi dan memahami orang lain. Dalam kajian ini kemahiran interpersonal kanak-kanak fokus kepada aktiviti harian kanak-kanak seperti aktiviti bermain, belajar, makan, bercakap dan sikap tolong menolong antara kawan mereka.

Menurut Piaget (1956; 1962), kanak-kanak prasekolah di peringkat praoperasi, mereka boleh berfikir dan menggunakan perkataan atau pun simbol yang mewakili objek dan peristiwa di sekeliling mereka. Sepanjang proses didikan dan asuhan, kanak-kanak harus diberi objek-objek konkrit supaya mereka dapat menjalankan aktiviti sendiri dengan objek-objek tersebut. Objek-objek konkrit dalam kajian ini merujuk kepada boneka. Boneka dapat membantu kanak-kanak mengembangkan kemampuan kognitif kanak-kanak prasekolah.

Aktiviti boneka melibatkan seni visual dan seni persembahan yang dapat memberi peluang kepada kanak-kanak untuk berinteraksi dengan kawan-kawan yang lain dan seterusnya meningkatkan kemahiran interpersonal mereka (Machado, 2003; Mayesky, 2004). Koster (2005) juga mengatakan bahawa aktiviti boneka dapat membantu mempertingkatkan kemahiran interpersonal kanak-kanak apabila ia diaplikasikan dalam aktiviti bermain, bercerita dan berlakon. Aktiviti boneka melibatkan vokal dan pengucapan serta muzik, nyanyian dan pergerakan (Smith, 2003; Hirsh, 2004; Mayesky, 2004). Dalam aktiviti bermain bersama boneka kanak-kanak bebas berinteraksi dengan

boneka dan juga berpeluang untuk berinteraksi dengan kawan-kawan lain menerusi boneka. Aktiviti bercerita bersama boneka pula menggalakkan kanak-kanak menggunakan boneka sebagai pencerita. Selain itu, kanak-kanak juga digalakkan menggunakan boneka untuk mereka cerita sendiri. Kanak-kanak boleh menggunakan boneka yang sedia ada atau membuat boneka yang ringkas dan mudah untuk mereka cerita berdasarkan imaginasi dan kreativiti sendiri. Kanak-kanak perlu dibimbang untuk mereka cerita berdasarkan boneka di tangan mereka. Mereka digalakkan untuk bercerita dengan menggunakan boneka dengan cerita-cerita yang biasa mereka dengar. Dalam aktiviti berlakon, kanak-kanak digalakkan menggunakan boneka untuk melakonkan watak-watak dalam cerita. Persembahan boleh dilaksanakan dengan pentas atau tanpa pentas (Jack, 2004; Md. Sidin, 2005; Alison, 2007; Rohizani, 2009; Loy, 2011; Norly et al, 2011).

Kajian-kajian yang lepas membuktikan bahawa aktiviti boneka memainkan peranan untuk meningkatkan kemahiran interpersonal kanak-kanak. Fontichiaro (2006) menyatakan bahawa boneka dapat memotivasi kanak-kanak untuk belajar. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan oleh beliau, didapati bahawa kanak-kanak melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti boneka. Penglibatan aktif kanak-kanak dalam aktiviti boneka menggalakkan interaksi mereka. Interaksi yang positif penting untuk meningkatkan kemahiran interpersonal. Proses aktiviti boneka melatih kanak-kanak mengawal diri dan berinteraksi dengan guru atau kanak-kanak yang lain. Erikson (1963; 1982) menyatakan peningkatan kemahiran interpersonal kanak-kanak terdiri daripada berinteraksi dengan orang lain, pembentukan kendiri, penghargaan kendiri dan kawalan kendiri (Loy, 2007; 2011).

Aktiviti boneka dapat membantu kanak-kanak untuk mempertingkatkan interpersonal dengan cara berbincang berkenaan persembahan boneka dengan kanak-kanak lain, bercakap kepada kanak-kanak lain melalui boneka, merancang dan membuat koordinasi persembahan boneka dengan kanak-kanak lain, menyelesaikan masalah melalui cerita boneka, berinteraksi dengan kanak-kanak lain menerusi penggunaan boneka dan menggunakan boneka untuk mempersempit cerita tentang kebudayaan dan kaum yang berbeza (Hirsh, 2004).

Kajian Loy (2007) terhadap penggunaan boneka dalam perkembangan kanak-kanak prasekolah juga menunjukkan bahawa penggunaan boneka dapat mempertingkatkan interpersonal kanak-kanak dan juga perkembangan dari aspek yang lain.

OBJEKTIF KAJIAN

Fokus kajian ini ialah;

1. Mengenal pasti kemahiran interpersonal kanak-kanak sebelum aktiviti boneka.
2. Mengenal pasti kemahiran interpersonal kanak-kanak selepas aktiviti boneka.

PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian ini ialah;

1. Apakah kemahiran interpersonal kanak-kanak sebelum aktiviti boneka?
2. Apakah kemahiran interpersonal kanak-kanak selepas aktiviti boneka?

KAEDAH KAJIAN

Dalam kajian ini, kanak-kanak mengikuti aktiviti boneka selama sembilan minggu. Kajian ini berdasarkan kaedah temu bual, soal selidik dan lukisan yang dihasilkan oleh kanak-kanak. Sebelum aktiviti boneka, temu bual dijalankan terhadap kanak-kanak. Selain itu, kanak-kanak juga diminta menjawab soal selidik dan melukis lukisan yang bertajuk ‘Saya dan Kawan-kawan Saya’ dan menceritakan aktiviti harian yang dijalankan bersama kawan-kawan mereka. Selepas aktiviti boneka, prosedur yang sama dijalankan sekali lagi untuk mengenal pasti perubahan kemahiran interpersonal kanak-kanak. Bagi menyokong data kajian, temu bual juga dijalankan untuk mengenal pasti perubahan interpersonal kanak-kanak yang terlibat dalam kajian ini.

PESERTA KAJIAN

Peserta kajian terdiri daripada seorang guru prasekolah dan lima orang kanak-kanak prasekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia.


DAPATAN KAJIAN

Bagi menjawab persoalan kajian pertama Apakah kemahiran interpersonal kanak-kanak sebelum aktiviti boneka? dan persoalan kajian kedua Apakah kemahiran interpersonal kanak-kanak selepas aktiviti boneka? data diperolehi daripada lima orang kanak-kanak iaitu Kanak-kanak P1, Kanak-kanak P2, Kanak-kanak P3, Kanak-kanak P4 dan Kanak-kanak P5 menerusi temu bual, soal selidik dan lukisan yang 'bertajuk Saya dan Kawan-kawan Saya' serta penceritaan aktiviti harian yang dijalankan oleh kanak-kanak bersama kawan-kawan mereka.

Perubahan kemahiran interpersonal kanak-kanak sebelum aktiviti boneka

Kanak-kanak P1

Sebelum aktiviti boneka, berdasarkan lukisan 1 (a) yang bertajuk 'Saya dan Kawan-kawan Saya' yang dihasilkan, Kanak-kanak P1 menyatakan beliau mempunyai dua orang kawan yang suka makan nasi ayam. Beliau juga menyatakan mereka bermain di taman dan ternampak kucing manakala selepas aktiviti boneka, berdasarkan lukisan 1 (b), Kanak-kanak P1 menyatakan beliau mempunyai empat orang kawan yang bermain bersam-sama dia. Berikut ialah lukisan 1 (a) dan lukisan 1 (b) Kanak-kanak P1 sebelum dan selepas aktiviti boneka.



Lukisan 1 (a)

Lukisan ‘Saya dan Kawan-kawan Saya’ Kanak-kanak P1 sebelum aktiviti boneka


Lukisan 1(b)

Lukisan ‘Saya dan Kawan-kawan Saya’ Kanak-kanak P1 selepas aktiviti boneka

Daripada soal selidik dan temu bual sebelum aktiviti boneka, Kanak-kanak P1 menyatakan beliau suka bermain bersama kawan dengan menyatakan mereka bermain di taman, suka makan bersama kawan dengan menyatakan mereka makan nasi ayam dan suka bercakap dengan kawan dengan menyatakan beliau bercakap dengan Fatin dan Aina manakala selepas aktiviti boneka, Kanak-kanak P1 menyatakan beliau suka bermain dengan kawan dengan menyatakan mereka bermain boneka, suka makan bersama kawan dengan menyatakan mereka makan nasi ayam dan suka bercakap dengan kawan dengan menyatakan beliau bercakap dengan Fatin, Aina, Omar dan Daniel.

Kanak-kanak P2

Sebelum aktiviti boneka, berdasarkan lukisan 2 (a) yang bertajuk ‘Saya dan Kawan-kawan Saya’ yang dihasilkan Kanak-kanak P2 menyatakan beliau ada seorang kawan perempuan. Selepas aktiviti boneka, berdasarkan lukisan 2 (b), Kanak-kanak P2 menyatakan beliau mempunyai tiga orang kawan lelaki dan mereka bermain bola bersama-sama. Berikut ialah lukisan 2 (a) dan lukisan 2 (b) yang dihasilkan oleh Kanak-kanak P2 sebelum dan selepas aktiviti boneka.



Lukisan 2 (a)

Lukisan ‘Saya dan Kawan-kawan Saya’ Kanak-kanak P2 sebelum aktiviti boneka


Lukisan 2 (b)

Lukisan ‘Saya dan Kawan-kawan Saya’ Kanak-kanak P2 selepas aktiviti boneka

Berdasarkan temu bual sebelum aktiviti boneka, Kanak-kanak P2 menyatakan beliau suka belajar bersama kawan dengan menyatakan mereka belajar menulis dan suka bercakap dengan kawan dengan menyatakan beliau bercakap dengan Aina manakala selepas aktiviti boneka, Kanak-kanak P2 menyatakan beliau suka belajar bersama kawan dengan menyatakan mereka belajar membaca buku cerita, suka makan bersama kawan dengan menyatakan mereka makan nasi ayam dan suka bercakap dengan kawan dengan menyatakan beliau bercakap dengan Daniel, Omar dan Fidaus.

Kanak-kanak P3

Sebelum aktiviti boneka, berdasarkan lukisan 3 (a) yang bertajuk ‘Saya dan Kawan-kawan Saya’ yang dihasilkan Kanak-kanak P3 menyatakan beliau mempunyai seorang kawan yang bernama Daniel. Selepas aktiviti boneka, berdasarkan lukisan 3 (b), Kanak-kanak P3 masih menyatakan kawan beliau bernama Daniel tetapi beliau dapat melukis wajah kawannya dengan lebih jelas dan menyatakan mereka kuat seperti Banoi. Berikut ialah lukisan 3 (a) dan lukisan 3 (b) yang dihasilkan oleh Kanak-kanak P3 sebelum dan selepas aktiviti boneka.



Lukisan 3 (a)

Lukisan ‘Saya dan Kawan-kawan Saya’ Kanak-kanak P3 sebelum aktiviti boneka


Lukisan 3 (b)

Lukisan ‘Saya dan Kawan-kawan Saya’ Kanak-kanak P3 selepas aktiviti boneka

Berdasarkan temu bual sebelum aktiviti boneka, Kanak-kanak P3 tidak suka melakukan apa-apa aktiviti bersama kawannya manakala selepas aktiviti boneka, Kanak-kanak P3 menyatakan beliau suka belajar bersama kawannya dengan menyatakan mereka belajar menyanyi lagu.

Kanak-kanak P4

Sebelum aktiviti boneka, berdasarkan lukisan 4 (a) yang bertajuk ‘Saya dan Kawan-kawan Saya’ yang dihasilkan, Kanak-kanak P4 menyatakan beliau mempunyai seorang kawan yang memakai songkok dan mereka gembira semasa bermain bersama-sama. Selepas aktiviti boneka, berdasarkan lukisan 4 (b), Kanak-kanak P4 menyatakan beliau mempunyai dua orang kawan. Mereka bermain permainan berperang-perang dan berimajinasi kawannya Omar boleh terbang. Berikut ialah lukisan 4 (a) dan lukisan 4 (b) yang dihasilkan oleh Kanak-kanak P4 sebelum dan selepas aktiviti boneka.



Lukisan 4 (a)

Lukisan ‘Saya dan Kawan-kawan Saya’ kanak-kanak P4 selepas Kanak-kanak P4 sebelum aktiviti boneka

Lukisan 4 (b)


Lukisan ‘Saya dan Kawan-kawan Saya’ kanak-kanak P4 selepas boneka

Daripada soal selidik dan temu bual sebelum aktiviti boneka, berdasarkan lukisan 4 (a), Kanak-kanak P4 menyatakan beliau suka bermain bersama kawan dengan menyatakan mereka bermain kejar mengejar, suka makan bersama kawan dengan menyatakan mereka makan nasi ayam dan suka bercakap dengan kawan dengan menyatakan beliau bercakap dengan Omar manakala selepas aktiviti boneka, Kanak-kanak P4 menyatakan beliau suka bermain bersama kawan dengan menyatakan mereka bermain kejar mengejar, suka makan bersama kawan dengan menyatakan mereka makan nasi ayam dan suka bercakap dengan kawan dengan menyatakan beliau bercakap dengan Omar dan Daniel.

Kanak-kanak P5

Sebelum aktiviti boneka, berdasarkan lukisan 5 (a) yang bertajuk ‘Saya dan Kawan-kawan Saya’ yang dihasilkan, Kanak-kanak P5 menyatakan beliau mempunyai seorang kawan. Nama kawannya Fidaus dan kawannya memakai songkok. Selepas aktiviti boneka, berdasarkan lukisan 5 (b), Kanak-kanak P5 menyatakan beliau mempunyai dua orang kawan yang memakai songkok dan bermain bersama-sama di padang. Berikut ialah lukisan 5 (a) dan

lukisan 5 (b) yang dihasilkan oleh Kanak-kanak P5 sebelum dan selepas aktiviti boneka.



Lukisan 5 (a)

Lukisan ‘Saya dan Kawan-kawan’ Saya’ Kanak-kanak P5 sebelum aktiviti boneka



Lukisan 5 (b)

Lukisan ‘Saya dan Kawan-kawan’ Saya’ Kanak-kanak P5 selepas aktiviti boneka

Daripada soal selidik dan temu bual sebelum aktiviti boneka, Kanak-kanak P5 tidak menyatakan aktiviti yang dilakukan bersama kawannya manakala selepas aktiviti boneka, Kanak-kanak P5 menyatakan dia suka bercakap dengan kawan dengan menyatakan beliau bercakap dengan Fidaus dan Omar dan suka menolong kawan dengan menyatakan beliau menolong kawannya mengambil beg.

Bagi menyokong data kajian ini berkenaan perubahan sikap kanak-kanak daripada segi kemahiran interpersonal, pengkaji telah menjalankan temu bual dengan Cikgu P. Cikgu P menyatakan bahawa aktiviti boneka sangat membantu kanak-kanak dari segi kemahiran interpersonal. Sikap mereka akan berubah setelah melibatkan diri dalam aktiviti boneka. Kanak-kanak yang tidak boleh bertolak ansur dan tidak mahu membantu kawan-kawan telah berubah sikap mereka selepas aktiviti boneka. Dalam hal ini Cikgu P menyatakan;

Memang ia sangat membantu dari peringkat awal hingga persembahan sebab dari pemerhatian kita... yang saya tengok murid kelas saya...ada antara dia dia kadang-kadang dia tak

boleh bertolak ansur, dia tak nak membantu kawan-kawan, tapi bila dia membuat boneka, nampak perubahan. Dia boleh bertolak ansur, boleh bekerjasama dengan kawan-kawannya

Cikgu P berpendapat aktiviti boneka sangat bersesuaian dengan pendekatan belajar melalui bermain yang ditekankan dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak. Cikgu P juga berpendapat bahawa aktiviti boneka sangat membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran terutamanya di prasekolah. Kanak-kanak prasekolah suka bermain dan mereka akan seronok belajar jika boneka digunakan sebagai bahan bantu visual. Cikgu P berharap aktiviti boneka dapat diperkenalkan kepada guru-guru prasekolah yang lain. Beliau juga berharap guru-guru prasekolah diberi latihan untuk mengendalikan aktiviti boneka supaya kanak-kanak mendapat manfaat menerusi aktiviti boneka terutamanya kemahiran interpersonal.

KESIMPULAN

Boneka telah dibuktikan dapat mempertingkatkan kemahiran interpersonal kanak-kanak dalam aktiviti harian seperti bermain, belajar, makan, bercakap dan sikap tolong menolong antara kawan mereka. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Fontichiaro (2006) dan Loy (2007). Oleh itu, guru-guru prasekolah digalakkan untuk melaksanakan aktiviti boneka dalam kelas supaya kanak-kanak mendapat pengalaman baru dalam proses pembelajaran.

RUJUKAN

- Alison, D. (2007). *Storytelling in the Classroom: Enhancing Oral and Traditional Skills for Teachers*. London: Paul Champman Publishing.
- Berk, L. E. (2006). *Child Development*. (7th Ed.). Boston: Person/Allyn and Bacon.
- Bandura, A. P. J. (1989). Comparison of mothers' and fathers' perceptions of the effect of young children with and

- without disabilities. *American Journal of Mental Retardation*, 95(5), 585-595.
- Erikson, E.H. (1963). *Childhood and society*. New York: WW. Norton & Company, Inc.
- Erikson, E. H. (1982). *The life cycle completed: A review*. New York: Norton.
- Esah Sulaiman. (2004). *Pengenalan pedagogi*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Fontichiaro, K. (2006). Using shadow puppets to motivate and showcase student learning. *School Library media activities Monthly*, 23(1), 27-30.
- Gardner, H. (1983). *Frames of mind: The theory of multiple intelligences*. New York: Basic Books.
- Gardner, H. (1993). *Multiple intelligences: The theory in practice*. New York: Basic Books.
- Gardner, H. (1995). Reflection on multiple intelligence: Myths and messages. *Phi Delta Kappan*, 75(3), 200-209.
- Gardner, H. (1999). *Intelligences reframed: Multiple intelligences for the 21st century*. New York: Basic books.
- Hirsh, R. A. (2004). *Early childhood curriculum: Incorporating multiple intelligences, developmentally appropriate practice and play*. Boston: Person Education, Inc.
- Jack, Z. (2004). *Speaking Out: Storytelling and Creative Drama for Children*. New York: Routledge.
- Koster, J. B. (2005). *Artists teaching art to young children*. (3rd Ed.). United States: Thomson Delmar Learning.
- Lihanna Borhan. (2005). The development of children's cognition through social interaction. *Issues In education*, 28, 13-19.

- Loy Chee Luen. (2004). Teater boneka sarung tangan di Perpustakaan Negara Malaysia: Unsur- unsur pendidikan dan teknik persembahan. Disertasi. Pusat Kebudayaan, Universiti Malaya.
- Loy Chee Luen. (2007). Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Boneka Sebagai Alat Bantu Mengajar dalam Perkembangan Kanak-kanak di Prasekolah. Skim Dana Penyelidikan Pensyarah Muda. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Loy Chee Luen. (2011). Boneka Sebagai Alat Pedagogi dalam Pengajaran Kanak-kanak Prasekolah. Tesis. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Machado, J. M. (2003). *Early childhood experiences in language arts: Emerging literacy*. (7th Ed.). United States: Thomson Delmar Learning.
- Mayesky, M. (2004). *Creative art & activities: Puppets*. United States: Thomson Delmar Learning.
- Md. Sidin Ahmad Ishak. (2005). *Perkembangan Sastera Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Cerdik Publication Sdn. Bhd.
- Norly Jamil, Azila Alias, Loy Chee Luen & Mazlina Che Mustafa. (2011). *Reka Cerita Bersama Kanak-kanak*. Selangor: Gerak Ilmu Sdn. Bhd.
- Piaget, J. (1956). *The origins of intelligence in children*. New York: International Universiti Press.
- Piaget, J. (1962). *Play, dream and imitation in childhood*. New York, NY: WW. Norton & Company, Inc.
- Rohizani Yaakub. (2009). *Panduan Bercerita untuk Prasekolah*. Kuala Lumpur: PYTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Salmon, M. & Sainato, D. (2005). Beyond Pinocchio: Puppets as a Teaching tools in inclusive Early Childhood Classroom, *Young Exceptional Children*, 8 (3), 12-19.

- Smith, R. (2003). Puppets with Purpose. *Scholastic Parent and Child*, 11 (1), 75.
- Vygotsky, L.S. (1933). Play and its role in mental development of the child. In J. Bruner, A. Jolly, & K. Sylva (Eds.), *Play*. New York: Basic Books.
- Vygotsky, L.S. (1934). *Thought and language* In E. Hanfmann & G. Vakor (Trans.). Oxford, English: Wiley.
- Vygotsky, L.S. (1966). Play and it role in the mental development of child. *Soviet Psychology*, 12(6), 62-76.
- Vygotsky, L.S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes* In M. Cole, U. John-Steine, S. Scribner, & E. Souberman (Eds.), Cambridge; MA: Havard University Press.
- Zin, J.E., Weissberg, R.P., Wang, M.C. & Walberg, H.H. (2004). *Building academic success on social and emotional learning*. New York: Teachers College Press.